

08 SEP 1999

MSC

MSC TEPAT PADA SASARAN, KATA ANGGOTA PANEL

PUTRAJAYA, 8 Sept (Bernama) -- Koridor Raya Multimedia (MSC) merupakan komponen penting dalam membawa negara ke era multimedia, kata seorang anggota Panel Penasihat Antarabangsa MSC, Diana Lady Dougan, hari ini.

"Saya rasa harapan pada MSC itu sangat tinggi. Ia satu projek dengan harapan yang besar dan dalam hal-hal tertentu, MSC menunjukkan pembangunan lebih baik daripada yang dijangkakan," kata beliau kepada pemberita selepas mengunjungi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di pejabatnya di sini.

Lady Dougan, penasihat kanan Pusat Amerika Syarikat Bagi Kajian Strategik dan Antarabangsa berkata, Malaysia menetapkan matlamat tinggi yang hampir mustahil untuk dicapai.

Tetapi kata beliau, walaupun negara mengalami sedikit masalah dalam sektor ekonomi, ia masih mampu membawa banyak kemajuan dalam sektor lain seperti infrastruktur.

Lady Dougan yang tiba di sini pada Ahad, sedang menghadiri persidangan tahunan ke 30 Institut Komunikasi Antarabangsa di sini.

Lady Dougan berkata, beliau juga mencadangkan kepada Dr Mahathir pembentukan satu tempat yang usahawan muda, individu dan sektor swasta boleh terbabit dalam teknologi maklumat serta perusahaan kecil dan sederhana (SME) dalam multimedia.

"Sebenarnya apabila Perdana Menteri mengumumkan penubuhan MSC... saya telah menekankan pentingnya menumpukan kepada keusahawanan, SME, usahawan muda dan mewujudkan persekitaran yang akan menggalakkan keusahawanan dan inovasi," katanya.

Panel Penasihat Antarabangsa itu yang terdiri daripada tokoh-tokoh industri multimedia dibentuk untuk menasihatkan kerajaan mengenai projek MSC itu yang merupakan kawasan seluas 750 km persegi menganjur dari Kuala Lumpur City Centre (KLCC) ke Lapangan Terbang Antarabangsa KL di Sepang. Ia merupakan pusat yang dikhaskan untuk pembangunan produk dan perkhidmatan multimedia.

-- BERNAMA

HS PR